



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

## **PEMBANGUNAN QURAN VILLAGE MULA DIBINA TAHUN 2022**

**PUTRAJAYA, 26 November 2021** – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob meninjau serta berpeluang menunaikan solat Jumaat dan mendengar taklimat cadangan pembangunan Quran Village bertempat di Kompleks Nasyrul Quran di Presint 14 Putrajaya.

Turut hadir mengiringi YAB Perdana Menteri adalah Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain.

Pembangunan Quran Village dijadualkan akan mula dibina pada suku keempat tahun 2022 dan siap pada suku keempat tahun 2025 di Presint 14 Putrajaya. Tapak projek Quran Village berkeluasan 26.46 ekar merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke -12 dan akan dibangunkan oleh PPj selaku agensi pelaksana.

Pembangunan projek ini melibatkan lima (5) komponen utama iaitu komponen pertama adalah pembangunan sebuah Masjid Az-Zikr. Kedua adalah Pusat Tjjarah sebagai pusat perniagaan yang mampu menempatkan 700 kios perniagaan. Ketiga merupakan Pusat Sains Al-Quran dan Sirah sebagai pusat pemeran teknologi terkini seperti panel skrin sentuh interaktif, *projection mapping*, *augmented reality (AR)*, paparan hologram dan sebagainya. Keempat komponen pula adalah Institut Al-Jawf Al-Qur'ani sebagai pusat pendidikan Al-Quran dan kelima adalah Pusat Seni Mushaf / Restu Art sebagai pusat dan penghasilan seni kraf tempatan.

Pembangunan Quran Village ini merupakan perancangan KWP dan PPj pada masa hadapan bagi menjamin keterusan masyarakat dan ekonomi yang progresif di Wilayah Persekutuan. Selain itu, pembangunan ini dapat memberi peluang pembelajaran dan penyelidikan dalam menjamin masyarakat yang inovatif serta meningkatkan kebolehsaingan Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa serta menjadi contoh atau '*leader*' kepada negara-negara Islam lain.

Di samping itu, ia juga turut berpotensi meningkatkan jumlah pengunjung berkualiti dalam sektor pelancongan MICE (*Meetings, Incentives, Convention and Exhibition*), mempelbagaikan peluang perniagaan melalui pusat pemasaran/jualan dan dagangan produk halal, kreatif dan kraf.

Kompleks Nasyrul Quran telah dibina di Presint 14 pada tahun 2016 dan mula beroperasi pada 2018 menggunakan konsep wakaf. Kompleks Nasyrul Quran merupakan kilang pencetakan Al-Quran ke dua (2) terbesar dibina selepas di Madinah Al-Munawwarah.



**TPR NORZITA BINTI ABDUL RAZAK**  
**Pengarah (Komunikasi Korporat)**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 25 November 2021

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohamad Fitri Bin Norsalim di talian 011-1068 8347.





